

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**[ LIBARAN ]**

**TARIKH** : **12 JUN 2014**

**SOALAN** : **DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesan hubungan dagangan antarabangsa, persepsi negara serantau daripada aspek keselamatan dan persempadanan dan hubungan diplomatik Malaysia-Amerika Syarikat (AS) hasil lawatan Presiden AS, Barack Obama ke Negara ini, April 2014 lalu.

## **JAWAPAN**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Secara keseluruhannya, lawatan Presiden Barack Obama ke Malaysia adalah satu lawatan yang berjaya, produktif dan telah membuahkan hasil positif. Lawatan ini merupakan satu mercu tanda dalam hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat.

3. Lawatan tersebut telah mendapat liputan yang meluas di negara serantau dan dalam beberapa pertemuan dua hala dengan negara-negara lain, mereka telah menyampaikan ucapan tahniah kepada Malaysia di atas kejayaan Lawatan Presiden Barack Obama ke Malaysia. Kita juga tidak menerima sebarang laporan bahawa ada negara yang mempersoalkan atau mempertikaikan lawatan tersebut.

4. Lawatan ini juga telah membuktikan Malaysia adalah sebuah negara yang penting dan mempunyai peranan yang besar dalam menyumbang ke arah kesejahteraan, kemakmuran dan keamanan di rantau ini.

Sekian, terima kasih.